



# TVET Malaysia : Apakah Itu TVET?

Pameran PKEJ MAC 2024







# TVET Malaysia - Apakah Itu TVET?




TVET adalah singkatan bagi Technical and Vocational Education Training. TVET in Malay (BM) dikenali sebagai Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional.



TVET adalah proses pendidikan dan latihan yang mempunyai hala tuju pekerjaan dengan penekanan utama terhadap amalan industri.



Skop TVET perlu berdasarkan Standard Pekerjaan atau lazimnya Standard Kemahiran Pekerjaan Kemahiran (NOSS) yang diiktiraf, dengan penekanan kepada komponen praktikal, kemahiran psikomotor dan pendedahan kepada latihan di industri.




# Kumpulan sasaran TVET?



Lepasan SPM (lulus) berpeluang untuk melanjutkan pelajaran sama ada dalam bidang Sijil ataupun Diploma dalam program TVET yang berkemahiran tinggi. Institusi TVET Malaysia yang menawarkan aliran TVET ini adalah seperti Politeknik, Kolej Komuniti dan Kolej Vokasional.



Bagi pelajar yang kurang kecenderungan dalam akademik tetapi lebih suka hands-on, lepasan PT3 ataupun tanpa SPM pun boleh belajar kursus kemahiran di pusat latihan kemahiran (PLK) awam ataupun swasta yang menawarkan persijilan Sijil Kemahiran Malaysia.



# Kumpulan sasaran TVET?



Bagi pekerja sedia ada ataupun bakal pekerja yang ingin meningkatkan kemahiran (upskilling) atau mendapat latihan semula (reskilling) boleh juga menyertai latihan TVET melalui Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) sebagai perantis.



Pekerja mahir yang sudah ada pengalaman kerja dalam bidang tertentu juga boleh mohon pensijilan TVET@Sijil Kemahiran Malaysia/Diploma Kemahiran Malaysia/Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia/Penyata Pencapaian melalui kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT).



# Syarat dan Kelayakan Kemasukan Kursus TVET



Warganegara  
Malaysia. Jika  
bukan, boleh juga  
berdaftar di Pusat  
Bertauliah  
Antarabangsa



Mestilah **TIDAK**  
**RABUN**  
**WARNA/BUTA**  
**WARNA**



**Bebas**  
**daripada**  
**masalah**  
**mental.**




sihat tubuh badan,  
tiada sebarang  
kecacatan atau  
kecederaan atau  
sejarah penyakit



kemahiran  
asas  
membaca,  
mengira dan  
menulis



Berminat dengan  
program dipohon  
(**AMAT**  
**PENTING** untuk  
anda berjaya)



# Masa Hadapan Graduan TVET


Bidang TVET menyediakan peluang pekerjaan yang banyak dengan gaji yang agak lumayan. Menurut kajian, berdasarkan pengesanan graduan TVET Malaysia, kebolehpasaran graduan kemahiran adalah lebih tinggi berbanding dengan graduan universiti (diploma/degree/masters/PhD)



Graduan TVET mempunyai peluang yang menguntungkan kerana negara memerlukan ramai tenaga mahir dalam bidang industri.

Membuka peluang kepada diri anda sendiri untuk mencipta peluang pekerjaan baru dengan kemahiran yang sedia ada. Graduan TVET juga berpeluang untuk menjadi usahawan dengan kemahiran tambahan yang sedia ada.





# Kelebihan program TVET



mampu menguasai pengetahuan dan kemahiran praktikal dengan lebih baik



meningkatkan kemahiran diri kerana anda akan didedahkan dengan keupayaan sesuatu produk dengan lebih dekat melalui eksperimen atau uji kaji.




lebih best berbanding dengan laluan akademik



Peluang kerja agak tinggi berbanding graduan laluan akademik.



bidang kemahiran tertentu seperti underwater welding, gajinya agak lumayan



# 10 program TVET\* (ikut bidang pekerjaan) paling popular di Malaysia.

**Pemasangan dan Penyelenggaraan Elektrik – Satu & Tiga Fasa**

**Penyediaan dan Pembuatan Makanan (Kulinari)**

**Perkhidmatan pembaikan & servis diagnostik – kenderaan ringan**

**Pembuatan roti/pastri**

**Perkhidmatan terapi kecantikan / estetik**

**Aplikasi rekabentuk grafik (digital) / rekaan grafik**

**Pengasuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak**

**Pentadbiran Sistem/ Rangkaian Komputer**

**Pembuatan Pakaian Wanita**

**Pegawai Latihan Vokasional (VTO)**